



PERKHIDMATAN UNTUK KANAK-KANAK GOLOONGAN RENTAN DI SABAH

(Services for Vulnerable Children in Sabah)

Perkara yang Syarikat dan
Pekerja Perlu Tahu

 **earthworm**

www.earthworm.org

TENTANG KAMI

Earthworm

Earthworm Foundation (EF) ialah organisasi bukan bermotifkan keuntungan yang dipacukan impak dan bergiat di lapangan untuk membina persekitaran untuk kesejahteraan alam semulajadi serta manusia. Dengan kerjasama yang dijalinan dengan perniagaan, masyarakat sivil dan kerajaan, EF memfokuskan komitmen kepada penyumberan bertanggungjawab dalam rantai nilai, penyelesaian yang inovatif dan sesuai bagi mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi dalam amalan pembuatan, dan menjadi pemangkin kepada tindak balas rantai di seluruh industri untuk mencapai perubahan berskala besar.

"Respect" (Hormat) ialah program kebajikan pekerja yang diterajui EF, bertujuan memelihara hak pekerja dan keluarga dalam rantai bekalan sedunia. Di Malaysia, EF bekerjasama dengan syarikat dalam industri kelapa sawit untuk memastikan bahawa rantai bekalan syarikat bebas daripada pemusnahan hutan dan penindasan pekerja dan komuniti.

Untuk maklumat lanjut tentang Earthworm Foundation, sila layari laman sesawang kami di:

www.earthworm.org

Kandungan

Tentang Kami

1. Pengenalan

1.1	Latar Belakang	6
1.2	Projek Kanak-Kanak di Perladangan	7

2. Pendidikan

2.1	Pengenalan	9
2.1.1	Apakah Pendidikan Alternatif?	9
2.1.2	Mengapa Pendidikan Alternatif Diperlukan di Perladangan dan Kawasan Luar Bandar?	10
2.2	Apakah Inisiatif Pendidikan Alternatif Sedia Ada di Sektor Perladangan di Sabah?	10
2.2.1	Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC)	10
2.2.2	Pusat Pembelajaran Alternatif (ALC)	14
2.3	Usaha Sama dalam Pendidikan Alternatif	18

3. Keterlibatan Komuniti

3.1	Pengenalan	20
3.1.1	Apakah Jenis Keterlibatan Komuniti?	21
3.1.2	Mengapakah Keterlibatan Komuniti Penting?	21
3.2	Siapa Yang Wajar Didekati?	21
3.2.1	Pusat ASASI (Sabah)	21
3.2.2	PACOS	23

4. Pendaftaran Kelahiran

4.1	Pengenalan	26
4.1.1	Apa Itu Pendaftaran Kelahiran?	26
4.1.2	Mengapakah Pendaftaran Kelahiran Diperlukan?	26
4.2	Siapa Yang Wajar Didekati?	26
4.2.1	Global Shepherds	28

5. Perkhidmatan Lain Untuk Kanak-Kanak Rentan

5.1	Pengenalan	31
5.2	Siapa Yang Wajar Didekati?	31
5.2.1	Sabah Women's Action-Resource Group (SAWO)	31

6. Organisasi Lain Yang Menawarkan Perkhidmatan untuk Kanak-Kanak Golongan Rentan di Sabah

25



1. Pengenalan

Buku ini bertujuan menyediakan maklumat tentang jalan penyelesaian yang ditawarkan oleh organisasi masyarakat sivil (CSO) dan penyedia perkhidmatan yang lain sebagai respons kepada cabaran-cabaran utama yang dihadapi syarikat perladangan dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan kanak-kanak, termasuk buruh kanak-kanak. Buku ini mengandungi direktori perkhidmatan yang ditawarkan untuk kanak-kanak yang mudah terancam, termasuk akses kepada pendidikan alternatif, keterlibatan komuniti, inisiatif pendaftaran kelahiran serta perkhidmatan lain yang berkaitan.

Kaedah kajian yang digunakan untuk menghasilkan buku ini termasuk gabungan kajian sekunder serta kajian lapangan bersama badan bukan kerajaan (NGO) terpilih dan pihak-pihak berkepentingan yang lain di Sabah. Kajian sekunder dijalankan antara Jun dan Ogos 2018, manakala kajian lapangan dikendalikan antara 21 Mei dan 25 Mei 2018 di Kota Kinabalu, Sabah.



Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) melaporkan bahawa seramai **152 juta**

kanak-kanak berusia antara 5 dan 17 tahun terjerumus dalam sektor buruh kanak-kanak, dengan 70.9% bekerja di sektor pertanian.¹

1.1 Latar Belakang

Meskipun terdapat undang-undang, dasar penyumberan bertanggungjawab dan skim pensijilan yang mengharamkan penggunaan buruh kanak-kanak, penggunaan buruh kanak-kanak tetap dilaporkan dalam industri kelapa sawit hari ini. Oleh itu, langkah proaktif dan penyelesaian mampan diperlukan untuk menghentikan amalan ini.

Puluhan ribu kanak-kanak, tempatan dan imigran, dianggarkan tinggal sama ada di dalam atau berhampiran perladangan kelapa sawit dan tapak pertanian kecil di seluruh Sabah, Malaysia. Selain itu, pihak kerajaan Indonesia menganggarkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya 60,000 kanak-kanak Indonesia yang tinggal di sekitar kawasan perladangan di Sabah, di mana terdapat antara mereka yang mungkin hidup dalam kemiskinan dan mempunyai akses kepada pendidikan yang terbatas atau tiada sama sekali. Keadaan ini, berserta lokasi perladangan yang terpencil, mendedahkan mereka kepada risiko menjadi buruh kanak-kanak. Faktor penyebab buruh kanak-kanak di Sabah perlu dilihat menurut konteks:

- Keluarga yang berstatus imigran tanpa izin atau tanpa kewarganegaraan;
- Kemiskinan luar bandar;
- Pemakanan berkhasiat rendah;
- Pendidikan asas yang terbatas atau tanpa akses;
- Perkahwinan kanak-kanak;
- Akses terbatas kepada perkhidmatan sosial dan kemudahan asas seperti akses kepada air bersih, bekalan elektrik, tandas dan perkhidmatan kesihatan

Mengambil kira konteks ini, Earthworm yakin bahawa penyelesaian dapat dicapai melalui pendekatan yang merangkumi kerjasama antara pihak berkepentingan yang pelbagai untuk mengatasi isu buruh kanak-kanak dan kebajikan kanak-kanak di perladangan..

1.2 Projek Kanak-Kanak di Perladangan

Earthworm Foundation (EF) telah menganjurkan dua sesi perundingan dengan pihak-pihak berkepentingan di Sabah berhubung isu Kanak-Kanak di Perladangan:

- Kanak-Kanak di Perladangan Sabah – Bengkel dan Perundingan Pihak-Pihak Berkepentingan dari Sektor Perniagaan; diadakan pada 5hb September 2017 di Sandakan, Sabah dan dianjurkan dengan kerjasama ahli-ahli EF (Archer Daniels Midland, Wilmar International dan Nestle) untuk wakil syarikat-syarikat perladangan, dengan kehadiran pihak-pihak berkepentingan utama seperti ILO, UNICEF, Humana, Persatuan Penanam-Penanam Malaysia Timur (EMPA) dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC); dan
- Kanak-Kanak di Perladangan Sabah – Perundingan bersama Agensi Kerajaan dan Organisasi Masyarakat Sivil; dianjurkan bersama Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada 9 Julai 2018 di Kota Kinabalu, Sabah.

Halangan-halangan utama yang dikenalpasti berikutan sesi-sesi perundingan ini adalah:

- Pemahaman terhad dalam kalangan wakil-wakil syarikat tentang garis panduan undang-undang berhubung pengambilan kanak-kanak dan anak muda untuk bekerja (termasuk takrifan dan perbezaan antara kerja berbahaya dan kerja tidak berbahaya);
- Pengetahuan terhad tentang cara melaksanakan penyelesaian mampan memandangkan masalah berat yang dihadapi di tempat kerja (seperti akses terhad kepada pendidikan untuk kanak-kanak berkenaan);
- Pengetahuan terhad tentang cara-cara mengelakkan atau mengatasi isu buruh kanak-kanak;
- Kepekaan terhad di syarikat-syarikat tentang manfaat bekerjasama dengan NGO dan pihak-pihak berkepentingan lain yang boleh menawarkan pelbagai perkhidmatan untuk anak-anak pekerja syarikat masing-masing.

Untuk menangani beberapa halangan utama di atas, buku ini bertujuan membentangi jalan ke arah kerjasama yang lebih kukuh antara perladangan, syarikat-syarikat lain, organisasi masyarakat sivil (CSO), pembekal perkhidmatan kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan yang lain di Sabah berhubung isu-isu berkaitan kanak-kanak rentan di kawasan luar bandar Sabah.

¹ Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) 2018. "Facts and Figure" – Child Labour. Boleh diakses dalam talian di www.ilo.org/global/topics/child-labour/lang-en/index.htm

² Earthworm Foundation (dahulu dikenali sebagai The Forest Trust). 2017. "Children in the Plantations of Sabah: Stakeholder Consultation Workshop Report." Laporan penuh boleh diakses dalam talian di www.earthworm.org/uploads/files/Children-in-Plantations-of-Sabah-report.pdf. Lihat juga Tabung Kanak-Kanak PBB (UNICEF). 2015. "Mapping Alternative Learning Approaches, Programmes & Stakeholders in Malaysia", Boleh diakses dalam talian di www.unicef.org/malaysia/Mapping_Alternative_Learning_Report.pdf

³ Earthworm Foundation (dahulu dikenali sebagai The Forest Trust). 2017. "Children in the Plantations of Sabah: Stakeholder Consultation Workshop Report." Laporan penuh boleh diakses dalam talian di www.earthworm.org/uploads/files/Children-in-Plantations-of-Sabah-report.pdf

2 Pendidikan



2.1 Pengenalan

Komitmen kerajaan untuk mencapai pendidikan bermutu tinggi untuk semua kanak-kanak bawah matlamat "Pendidikan Untuk Semua" dalam Kerangka Kerja Dakar mencapai kejayaan terhad memandangkan sebilangan besar kanak-kanak masih terpinggir dari segi pendidikan. Ini disebabkan:

- Pilihan persekolahan yang terhad di kawasan luar bandar; dan
- Anak-anak pekerja migran, kanak-kanak tanpa status imigresen yang sah dan kanak-kanak berstatus pelarian dan penuntut suaka, yang tidak diizinkan mendaftar di sekolah kerajaan di Malaysia.

Namun, Sabah boleh dikatakan bernasib baik kerana terdapat sejumlah besar inisiatif pendidikan alternatif yang dikendalikan melalui kerjasama antara NGO, Konsulat Indonesia di Sabah dan syarikat-syarikat perladangan di serata negeri.

2.1.1 Apakah Pendidikan Alternatif?

Umumnya, pendidikan alternatif merujuk kepada program pendidikan yang tidak dianggap sebahagian pendidikan formal kebangsaan, dan direka khusus bagi menyediakan

pendidikan untuk kanak-kanak yang tidak berdaftar dalam sistem pendidikan formal.⁴

2.1.2 Mengapa Pendidikan Alternatif diperlukan di Perladangan dan Kawasan Luar Bandar?

- Untuk menyediakan pilihan persekolahan yang percuma atau berkos rendah untuk kanak-kanak di luar bandar;
- Untuk memberi kanak-kanak pendidikan vokasional dan kemahiran hidup;
- Untuk mengelakkan berlakunya buruh kanak-kanak dan bentuk penindasan kanak-kanak yang lain
- Untuk menyediakan pendidikan yang diiktiraf untuk membolehkan kanak-kanak imigran menyambung pendidikan di negara asal mereka;
- Untuk mematahkan kitaran kemiskinan yang membelenggu kanak-kanak rentan;
- Untuk mengurangkan tempoh perjalanan ke sekolah luar bandar, dengan menyediakan pusat pendidikan di lokasi;
- Untuk menggalakkan kestabilan tenaga kerja kerana ibu bapa yang bekerja ingin anak-anak mereka menyambung pelajaran di sekolah yang sama.



Setiap orang adalah berhak kepada pelajaran. Pelajaran hendaklah diberikan percuma, sekurang-kurangnya pada peringkat awal dan asasnya.

Sumber: Perkara 26, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), 1948

⁴ UNICEF, "Mapping Alternative Learning Approaches, Programmes and Stakeholders in Malaysia" 2015.

Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC)

2.2 Apakah Inisiatif Pendidikan Alternatif Sedia Ada di Sektor Perladangan di Sabah?

2.2.1

	Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) • Dilaksanakan bersama oleh Kerajaan Indonesia dan syarikat-syarikat perladangan di Sabah • Untuk kanak-kanak Indonesia sahaja
	Pusat Pembelajaran Alternatif (ALC) • Dilaksanakan bersama oleh Humana Child Aid Society Sabah dan syarikat-syarikat perladangan • Untuk semua kanak-kanak tanpa mengira kewarganegaraan
	Pusat Pembelajaran Berasaskan Komuniti Yang Lain • Dikendalikan oleh beberapa NGO tempatan dan dermawan di beberapa kawasan luar bandar di Sabah • Untuk semua kanak-kanak tanpa mengira kewarganegaraan

Apakah Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC)?

CLC adalah institusi pendidikan setempat yang berada di luar sistem pendidikan formal kebangsaan, ditubuhkan dan diuruskan oleh warga setempat untuk menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan komuniti.

CLC bertujuan menyediakan pendidikan untuk kanak-kanak yang tidak berdaftar dalam sistem pendidikan formal. Khususnya, CLC menyediakan perkhidmatan kepada kanak-kanak Indonesia di perladangan di sekitar negeri Sabah. Pembiayaan operasi disokong oleh Kerajaan Indonesia dan diselia bersama oleh Konsulat Indonesia dan syarikat-syarikat perladangan.

Kerajaan Malaysia turut mengiktiraf CLC. Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Pusat Pembelajaran Komuniti di Sabah menghuraikan syarat-syarat menubuhkan CLC, terutama sekali di sektor perladangan.

Di sektor perladangan, CLC merangkumi pendidikan rendah (dikenali sebagai Sekolah Dasar) dan menengah (dikenali sebagai Sekolah Menengah Pertama). Pelajar terdiri daripada kanak-kanak dan remaja berusia antara tujuh dan 18 tahun.

Apakah yang anda perlu tahu tentang Inisiatif Kerajaan Indonesia berhubung Pendidikan Alternatif di Sabah?

Konsulat Indonesia dan Kementerian Pendidikan Indonesia bekerjasama dan menubuhkan Program Pendidikan Alternatif untuk mengenalpasti setiap kanak-kanak Indonesia di Sabah dan menyediakan pendidikan. Langkah ini merangkumi aktiviti-aktiviti berikut:

- Menyediakan pendidikan rendah dan menengah bermutu tinggi dan percuma melalui CLC kepada kanak-kanak Indonesia yang mempunyai ibu bapa dalam kalangan pekerja migran;
- Pelantikan guru-guru Indonesia yang berkelulusan oleh Kementerian Pendidikan dan Budaya Indonesia untuk mengajar di CLC dan ALC yang dikendalikan oleh NGO di Sabah;

- Penubuhan pusat pembelajaran alternatif di Kota Kinabalu, Sabah yang berperanan menjadi pusat koordinasi dan hab pendidikan untuk CLC dari seluruh negeri;
- Penganugerahan biasiswa untuk kanak-kanak Indonesia yang tamat pendidikan menengah di CLC;
- Usaha sama dengan pelbagai pihak termasuk syarikat swasta, NGO dan agensi kerajaan berkaitan dalam bidang pendidikan alternatif.

Apakah yang anda perlu tahu tentang CLC di sektor perladangan di Sabah?

Konsulat Indonesia (Sabah) mempunyai usaha sama dengan lebih daripada 40 syarikat perladangan besar dan sederhana di Sabah, dan telah mendirikan sejumlah 209 CLC di seluruh negeri seperti berikut:

- 69 CLC (33%) di peringkat pendidikan rendah;
- 140 CLC (67%) di peringkat pendidikan menengah

Rangkaian CLC ini terletak di beberapa daerah di Sabah termasuk Beaufort, Beluran, Keningau, Kota Marudu, Kunak, Lahad Datu, Nabawan, Papar, Pitas, Sandakan, Semporna, Telupid, Tawau dan Tongod.

Di kawasan perladangan, sejumlah 12,269 pelajar Indonesia menghadiri CLC pada peringkat pendidikan rendah dan menengah. Pecahan pelajar seperti berikut:

- 8,936 (73%) pelajar di CLC peringkat pendidikan rendah
- 3,332 (27%) pelajar di CLC peringkat pendidikan menengah

CLC Sedia Ada di Perladangan di Sabah

Lebih daripada 40 syarikat perladangan besar dan sederhana bekerjasama dengan Kerajaan Indonesia untuk mendirikan CLC (untuk pendidikan rendah dan menengah) di perladangan masing-masing. Syarikat-syarikat tersebut terletak di sekurang-kurangnya 14 daerah di Sabah.

Kewujudan CLC, Mengikut Syarikat Perladangan dan Daerah/Sub-Daerah, Sabah, 2018

1. Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) – Pendidikan Rendah

Balung

- CLC 33 Ladang Balung River (Bima Sakti)
- CLC Pelita Bangsa Lksk
- CLC 34 Ladang Sungai Kawa
- CLC 13 SLDB Apas Balung

Beufort

- CLC 25 Ladang Cepat Beaufort
- CLC 3 Ladang Lumadan

Beluran

- CLC 64 Ladang Kim Loong

Jeroko

- CLC SLDB Litang
- CLC Ladang Tamaco
- CLC Tamaco Center

Kalabakan

- CLC Benta Belian
- CLC Lacak Fidelity
- CLC 69 Ladang Kretam Silimpopon I
- CLC 32 Ladang Kalabakan
- CLC Winsome

Keningau

- CLC 22 Ladang Dalit
- CLC SLDB Inandung
- CLC 57 Dalit Estate

Kunak

- CLC 68 Ladang Aumkar
- CLC 37 Ladang Bongalio Tun Fuad

Lahad Datu

- CLC Lembah Danum
- CLC 10 Ladang Lam Soon
- CLC 35 Ladang Sebrang
- CLC 48 Ladang Ladang Bagahak

Langkon

- CLC Ladang Langkon

Nabawan

- CLC 58 Sook Oil Palm
- CLC 27 United Malacca 1 Dan 2
- CLC United Malacca 3 Dan 4

Papar

- CLC 23 Ladang Bongawan
- CLC 24 Ladang Mawau
- CLC 26 Ladang Kimanis

Paris

- CLC 65 Ladang Bukit Segamaha
- CLC Timora
- CLC Ladang Abedon Kretam
- CLC 59 Ladang Pahang 2
- CLC 60 Ladang Ong Yah Ho

Pitas

- CLC Ladang Pitas

Sahabat, Lahad Datu

- CLC 71 Cenderawasih
- CLC 72 Baiduri Ayu
- CLC 73 Kembara Budi
- CLC 74 Fajar Harapan
- CLC 75 Gemara Pura
- CLC 76 Hamparan Badai
- CLC 77 Jeragan Bistari
- CLC 78 Kembara Sakti
- CLC 79 Sahabat 46
- CLC Teck Guan Sebatik

Sandakan

- CLC Ladang Sutra
- CLC 31 Ladang Masang (Nurul Iman)

Sapi

- CLC 62 Ladang Andamy
- CLC 61 Ladang Resort
- CLC Duta

Sebatik

- CLC Teck Guan Sebatik

Semporna

- CLC 5 Ladang Segaria (Hidayatullah)

Sukau

- CLC 50 Ladang Fantasi Generasi
- CLC Felcra Estate Pertama
- CLC Ladang Karang Estate Sapagaya
- CLC 44 Ladang Sungai Menanggol
- CLC Ladang Gomantong
- CLC 67 Ladang Sri Likas Mewah

Telupid

- CLC 63 Ladang Arunamari
- CLC Perdana Telupid
- CLC 19 Monsok Palm Oil Mill

2. Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) – Pendidikan Menengah

Balung

- CLC 33 Ladang Balung River
- CLC 51 Ladang Sungai Balung

Beufort

- CLC 3 Ladang Lumadan

Beluran

- CLC 3 Ladang Lumadan

Jeroko

- CLC 16 Genting Tanjung Estate
- CLC 41 Ladang Tomanggong
- CLC 2 Ladang Permodalan 1
- CLC Litang
- CLC 56 Ladang Jeroco

Kalabakan

- CLC 69 Kretam Silimpopon Kalabakan

Kunak

- CLC 18 Ladang Binuang
- CLC 38 Ladang Batu Rong 3
- CLC 53 Ladang Batu Rong 2
- CLC 54 Ladang Madai
- CLC Ladang Batu Rong 1
- CLC 11 Ladang Mostyn
- CLC 12 Ladang Giram
- CLC 17 Ladang Jelata Bumi

Lahad Datu

- CLC Lembah Danum
- CLC Ladang Trusjadi
- CLC Permai
- CLC 9 Sabah Mas Lahad Datu
- CLC 40 Borneo Samudra
- CLC 42 Ladang Tas
- CLC 8 Ladang Sandau

Pamol

- CLC 20 Ladang Pamol

Paris

- CLC 49 Ladang Syarimo 7
- CLC 59 Ladang Pahang 2 Smp
- CLC 14 Ladang Pontian Fico

Sandakan

- CLC 46 Ladang Mewah

Sapi

- CLC 29 Ladang Desa Telisai
- CLC 4 Ladang Sapi 2
- CLC Terusan 2

Semporna

- CLC 5 Ladang Segaria
- CLC KI Kepong
- CLC 52 Ladang Pegagau
- CLC 55 Syarikat Nam Hing

Sukau


- CLC 1 Ladang Genting Suan Lamba
- CLC 66 Ladang Ar Rasyid Sapagaya
- CLC 15 Ladang Melanking
- CLC 45 Ladang Hilco Pontian
- CLC 44 Ladang Sungai Menanggol

Tawau

- CLC 43 Bombalai Ladang Imam
- CLC 7 Ladang Merotai Kecil

Telupid

- CLC 21 Ladang Gamore
- CLC 28 Ladang Ribu Bonus



Sumber: Konsulat
Indonesia, Kota
Kinabalu, Sabah, data
terkini pada Jun 2018

Cara Menghubungi Konsulat Indonesia di Sabah

Konsulat Jenderal Republik Indonesia
Lorong Kemajuan, Karamunsing
P.O. Box 11595, 88817, Kota Kinabalu, SABAH
Telefon: 088-219110/088-218600
Faks: 088-215170
Emel: pensosbud.kjrikk@yahoo.com
Laman sesawang: www.kemlu.go.id/kotakinabalu/id/

2.2.2 Pusat Pembelajaran Alternatif (ALC)

Apakah Pusat Pembelajaran Alternatif (ALC)?

Humana Child Aid Society Sabah (HCASS) telah mendirikan sejumlah 142 ALC, majoriti di pantai timur Sabah. Ini termasuk sebilangan kecil ALC yang diuruskan HCASS di luar kawasan perladangan. ALC diuruskan bersama oleh HCASS dan syarikat-syarikat perladangan. Pusat-pusat ini terletak di lima daerah utama di Sabah iaitu Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Semporan dan Tawau.

ALC menyediakan pendidikan para peringkat prasekolah dan rendah, dan membuka pendaftaran kepada semua kanak-kanak. Pada awal 2018, sejumlah 14,121 pelajar menghadiri ALC, dengan 7,284 (51.6%) terdiri daripada pelajar lelaki, dan 6,837 (48.4%) terdiri daripada pelajar perempuan.

Sebahagian besar ALC memperoleh lesen operasi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. ALC mengajar kurikulum kebangsaan Malaysia, dengan mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik sebagai mata pelajaran teras yang wajib.

ALC di Perladangan di Sabah

Pada Jun 2018, sejumlah 134 ALC beroperasi secara usaha sama dengan pelbagai syarikat perladangan besar dan sederhana di Sabah.

Cara Menghubungi Humana



HUMANA CHILD AID SOCIETY SABAH

HUMANA CHILD AID SOCIETY SABAH (HCASS)

MDLD 8919, Lot 36, Lorong D' Perdana 11
D' Perdana Square, Bandar Sri Perdana
KM 4, Silam Road, 91100 Lahad Datu,
Sabah

Telefon: (+60) 089 - 862600

Emel: info@humanachilddaidsociety.org

Laman sesawang: www.humanachilddaidsociety.org/



Kewujudan ALC dan Daerah/Sub Daerah, Sabah, 2018

Humana Child Aid Society Sabah – Pusat Pembelajaran Alternatif (ALC)

Kinabatangan

- Ladang Syarimo 2
- Ladang Syarimo 5
- Ladang Amalania
- Ladang Asia Oil Palm 2
- Ladang Leepang 3
- Ladang Bornio)
- Ladang Tabung Tentera
- Ladang G&G - Uni Global
- Ladang Prolific Yield
- Ladang Genting Landworthy
- Ladang Genting Mewah 1
- Ladang Genting Sekong
- Ladang Genting Suan Lamba
- Ladang Genting Mewah 2
- Ladang Genting Sri Bahagia
- Ladang Genting Sri Tanjung
- Ladang Genting Tenegang
- Ladang Gerola
- Ladang Litang
- Ladang Tabin
- Ladang Tagas
- Ladang Sg Segama
- Ladang Tomanggong 1
- Ladang Tomanggong 2
- Ladang Haranky
- Ladang Hwa Li
- Ladang Tye Yang
- Ladang Batangan
- Ladang Kapis
- Ladang Lokan
- Ladang Lungmanis
- Ladang Lutong
- Ladang Pintasan 4
- Ladang Pintasan 7
- Ladang Mewah 1
- Ladang Pintasan 2
- Ladang Asas
- Ladang Layung
- Ladang Leepang 1
- Ladang Linddale
- Ladang Syarimo 7
- Ladang Melangking 1
- Ladang Melangking 2
- Ladang Melangking 2
- Ladang Melangking 3
- Ladang Melewar 1
- Ladang Melewar 2
- Ladang Morisem 3
- Ladang Pahang Oil Palm 3

- Ladang Permodalan
- Ladang Pontian Fico
- Ladang Pontian Hillco
- Ladang Pontian Malacca
- Ladang Sakilan Desa
- Ladang Segaliud
- Ladang Tun Tan Siew Sin
- Ladang Yu Kwang
- Ladang Batu Putih
- Ladang Unico Desa

Lahad Datu

- Ladang Bagahak 1
- Ladang Boonrich
- Ladang Matamba
- Ladang Mensuli
- Ladang Sandau
- Fordeco Timber Complex
- Gold Crop Plantation
- Fee - Dam Road HLC
- Fee - Sri Perdana HLC
- Fee - Tabanac HLC
- Ladang Klk Bukit Tabin
- Ladang Cantawan
- Ladang Tengah Nipah
- Ladang Mpob
- Ladang Bilong Sabahmas
- Ladang Lunpadas
- Ladang Segama Sabahmas
- Ladang Taliwas Sabahmas
- Ladang Taliwas

Sandakan

- Ladang Bekat Setia
- Ladang Excellent Challenger 2
- Ladang Mayvin 5 - Gamore
- Ladang Gedau
- Ladang Genting Sabapalm
- Ladang Genting Indah Tongod
- Ladang Genting Permai
- Ladang Hibumas 1
- Ladang Jebawang
- Ladang Sg Sabang
- Ladang Telisai Ijm
- Ladang Ikatan Kayangan
- Ladang Sg Manjang
- Ladang Sri Pin
- Ladang Kiabau
- Ladang Luangmanis
- Ladang Moynod


- Ladang Sabah Labuk
- Ladang Sri Harapan
- Ladang Seri Peri
- Ladang Bimbingan 2
- Ladang Tangkulap 1
- Ladang Pamol Ulu
- Ladang Sapi 1
- Ladang Rakanan Jaya
- Ladang Reka Halus
- Ladang Ribu Bonus
- Ladang Linbar 1
- Ladang Linbar 2
- Ladang Laukin
- Ladang Sapi 2
- Ladang Terusan 1
- Ladang Terusan 2
- Ladang Sekar Imej
- Ladang Sri Kamusan
- Ladang Mayvin 2
- Ladang Andum
- Ladang Terusan Baru
- Ladang Tungud

Semporna

- Fee - Lill Babs HLC
- Ladang Nam Hing

Tawau

- Ladang Aumkar
- Ladang Pegagau
- Fee - Kalabakan HLC
- Fee - Madai HLC
- Fee - Sg Balung HLC
- Ladang Trusjadi
- Ladang Jatika
- Ladang Klk Complex
- Ladang Pinang Klk Sabah
- Ladang Baturong 1
- Ladang Baturong 2
- Ladang Baturong 3
- Ladang Muis Melewar 1
- Ladang Andrassy
- Ladang Binuang
- Ladang Giram Div 1
- Ladang Giram Sipit
- Ladang Jeleta Bumi
- Ladang Mostyn
- Ladang Sungang
- Ladang Tingkayu
- Ladang Bombalai Imam
- Ladang Merotai



Sumber: Konsulat
Indonesia, Kota
Kinabalu, Sabah, data
terkini pada Jun 2018

2.3 Usaha Sama dalam Pendidikan Alternatif

Ramai kanak-kanak yang tinggal bersama ibu bapa mereka di kawasan luar bandar atau perladangan masih tidak mempunyai akses kepada persekolahan. Usaha sama berupaya memastikan kanak-kanak ini mempunyai akses kepada pendidikan asas. Ini boleh dicapai dengan beberapa cara:

1. Usaha sama dengan syarikat lain; dan
2. Menirikan pusat pembelajaran yang baharu

1 USAHA SAMA DENGAN SYARIKAT LAIN

Jika syarikat anda kekurangan sumber atau bilangan kanak-kanak yang mencukupi untuk mendirikan CLC/ALC anda sendiri, syarikat anda boleh mendekati syarikat-syarikat berdekatan untuk mendirikan CLC/ALC bersama atau mengkaji kemungkinan mendaftarkan anak-anak warja kerja di pusat kendalian syarikat lain.

Langkah yang perlu Dipertimbangkan

1. LIBATKAN pekerja (ibu bapa) dan tingkatkan kepekaan tentang peri pentingnya pendidikan untuk anak-anak mereka.
2. TENTUKAN bilangan anak-anak pekerja yang berusia wajar bersekolah.
3. KENAL PASTI syarikat berdekatan yang telah mendirikan CLC/ALC dan mulakan perbincangan untuk mengkaji kemungkinan menghantar anak-anak pekerja kepada pusat pembelajaran sedia ada.
4. BEKERJASAMA dalam memastikan anak-anak pekerja boleh mendaftar di CLC/ALC sedia ada sambil memberi perhatian kepada tanggungjawab anda untuk menyumbang kepada pembiayaan sumber.
5. TAWARKAN insentif kepada anak-anak pekerja untuk menggalakkan mereka menghadiri CLC/ALC.
6. AWASI perkembangan anak-anak pekerja yang menghadiri CLC/ALC.

2 MENDIRIKAN PUSAT PEMBELAJARAN YANG BAHARU

Syarikat-syarikat boleh menghubungi Konsulat Indonesia dan HCASS untuk membincangkan kemungkinan bekerjasama dalam mendirikan pusat pembelajaran baharu (CLC/ALC) di kawasan perladangan. Dalam kes sebegini, syarikat dan CLC/ALC memegang peranan berbeza, seperti yang dijelaskan di bawah.

Peranan Syarikat:

1. Menyediakan infrastruktur pendidikan, terutama sekali bangunan sekolah dan kemudahan asas yang lain;
2. Menyediakan tempat tinggal/kuarters untuk tenaga pengajar;
3. Menguruskan dan menyediakan pengangkutan untuk kanak-kanak yang menghadiri pusat berkenaan
4. Menyediakan sumbangan bulanan kepada pusat pembelajaran. Jumlah sumbangan bulanan berbeza antara CLC, ALC dan pusat pembelajaran yang lain.

Peranan Konsulat Indonesia dan HCASS:

- Memberi bantuan berkaitan operasi termasuk urusan dengan Kementerian Pendidikan untuk kelulusan permit, mudah cara lawatan rasmi, dan menguruskan pembelajaran dan keselamatan kanak-kanak di pusat pembelajaran;
- Memberi bantuan teknikal termasuk latihan dan penyeliaan tenaga pengajar;
- Membayar gaji tenaga pengajar dan menguruskan proses permohonan permit kerja (jika berkenaan), insurans dan KWSP (jika berkenaan);
- Menyediakan buku-buku dan bahan pembelajaran yang lain;
- Melantik guru dari Indonesia untuk pusat pembelajaran (hanya untuk CLC); dan

121

3 
Keterlibatan
Komuniti

3.1 Pengenalan

Syarikat boleh melancarkan proses berkerjasama dengan kelompok-kelompok komuniti termasuk para pekerja dan keluarga mereka, serta komuniti setempat untuk menangani isu yang menjejaskan kesejahteraan dan perkembangan kelompok-kelompok ini.



Kegagalan menjaga perhubungan baik dengan komuniti mungkin menyebabkan konflik, dan mungkin juga menyebabkan projek tergendala, pembatalan dan kerugian pelaburan.

Sumber: International Finance Corporation (IFC) 2015. "Managing Community Relations in the Palm Oil Sector."

3.1.1 Apakah keterlibatan komuniti?

Keterlibatan komuniti merangkumi lingkungan aktiviti seperti:

- Menganjurkan lawatan dan mesyuarat komuniti;
- Menganjurkan sesi dialog;
- Membiayai pengangkutan kanak-kanak ke pusat pembelajaran;
- Mengadakan pesta sukan;
- Menyediakan perkhidmatan kesihatan yang sesuai; dan
- Sebarang aktiviti lain yang boleh dianggap penting untuk pembangunan komuniti.

3.1.2 Mengapakah keterlibatan komuniti penting?

Keterlibatan komuniti secara dasarnya ialah proses membina perasaan saling mempercayai antara komuniti dan syarikat yang beroperasi di sesuatu daerah. Antara manfaat keterlibatan komuniti ialah:

- Membina kemesraan antara syarikat dan komuniti; dan
- Berperanan sebagai wadah mengurangkan potensi konflik atau ketegangan yang sudah wujud antara syarikat dan komuniti

3.2 Siapa yang wajar didekati?

Terdapat banyak NGO dan organisasi yang menyediakan perkhidmatan berhubung keterlibatan komuniti di Sabah. Namun, buku ini bertumpu kepada dua NGO utama, iaitu Pusat Asasi dan PACOS.

3.2.1 Pusat ASASI (Sabah)

Siapakah Pusat ASASI?

Pusat Hak Asasi dan Keselamatan Komuniti, lebih dikenali sebagai Pusat ASASI, ialah pusat sumber untuk keselamatan komuniti dan hak asasi manusia di timur Sabah. Pusat ini diuruskan dan disokong oleh pelbagai individu termasuk pemimpin komuniti, pakar, dan bekas pegawai keselamatan dan petugas pihak berkuasa.

Pusat ASASI yakin terhadap keterlibatan melalui kerjasama, yang dilihat membawa manfaat jangka masa panjang sebagai penghubung antara pihak berkuasa dan komuniti dalam lapangan.

Apa kegiatan Pusat ASASI?

Pusat ASASI menganjurkan program pemberdayaan untuk komuniti (termasuk kanak-kanak dan belia) dan menawarkan perkhidmatan perundingan untuk pelbagai institusi dan organisasi profesional dalam bidang pembangunan komuniti. Mereka turut menyediakan maklumat dari lapangan dan pengawasan isu-isu komuniti setempat.

Beberapa tahun kebelakangan ini, Pusat ASASI telah mengendalikan projek komuniti, termasuk pemberdayaan belia, di beberapa lokasi terpencil di Sabah. Ini termasuk program sosioekonomi, celik kewangan dan kepimpinan untuk belia.

Selain itu, Pusat ASASI telah menubuhkan:

1. Jaringan belia – untuk menghimpunkan pemimpin-pemimpin belia.
2. Jaringan penyelidik undang-undang komuniti – untuk menangani pelbagai isu, khususnya berkaitan masyarakat tanpa status imigresen yang sah serta hak kanak-kanak.
3. Kepolisan komuniti – untuk mewujudkan suasana sihat berupa kerjasama antara pihak berkuasa dan komuniti, dengan menggunakan pendekatan “problem-based policing” untuk merangka strategi, dasar dan pelaksanaan program pencegahan.

Hubungan Pusat ASASI dengan komuniti

Pejabat urusetia Pusat ASASI terletak di Putatan, Kota Kinabalu, Sabah. Kebanyakan projek keterlibatan komuniti dilaksanakan dengan sokongan ahli rangkaian, yang terletak di pelbagai daerah di Sabah. Ahli-ahli rangkaian termasuk:

- Pelbagai pertubuhan komuniti di Lahad Datu, Semporna, Sandakan, Keningau, Pulau Sebatik dan Tawau
- Persatuan Belia Inovasi Kota Kinabalu
- Persatuan Anak-Anak Miskin Sabah
- Persatuan Profesional Suluk Sabah
- Persatuan Kebudayaan Sulu (PUSAKA)

Bagaimana untuk bekerjasama dengan Pusat ASASI?

Pusat ASASI menjalankan program untuk pembangunan komuniti, pemberdayaan belia dan sosioekonomi di serata Sabah, termasuk program celik kewangan sosial, kepemimpinan, perkhidmatan guaman, pencegahan jenayah dan dadah, serta program intervensi belia.

Pusat ASASI boleh membantu syarikat atau organisasi lain dalam membangunkan program keterlibatan komuniti, termasuk:

- **Meningkatkan kesedaran, latihan dan pemberdayaan dalam komuniti dalam bidang:**
 - Pendaftaran kelahiran untuk ibu bapa dan anak dalam komuniti tanpa status imigresen yang sah, serta kanak-kanak imigran;
 - Kepemimpinan untuk pemimpin komuniti, pekerja dan pekebun atau petani kecil;
 - Program sosioekonomi dan celik kewangan untuk komuniti;
 - Aktiviti penyelidikan dan sokongan guaman berasaskan komuniti; dan
 - Perkhidmatan rujukan dan bantuan guaman berkaitan isu kanak-kanak rentan.
- **Perkhidmatan profesional untuk syarikat dan organisasi dalam bidang:**
 - Sokongan teknikal dan perundingan dalam hal berkaitan hak dan kesejahteraan kanak-kanak
 - Program keterlibatan komuniti bertumpukan pembangunan belia dan kanak-kanak; dan
 - Pengawasan bebas dan pihak ketiga atas isu komuniti setempat, termasuk isu berhubung pembangunan kanak-kanak dan belia di sektor perladangan.
- **Menubuhkan program pembelajaran berasaskan komuniti untuk kanak-kanak di dalam atau berhampiran kawasan perladangan.**
- **Menguruskan kegiatan pengumpulan dana dan khidmat masyarakat untuk pemberdayaan komuniti.**

Cara Menghubungi Pusat ASASI



Pertubuhan Pusat Hak Asasi dan Keselamatan Komuniti Sabah (Pusat ASASI)

No. Pendaftaran: PPM-003-12-22022018

No. 68, Jalan Access Kampung Pasir Putih
88200, Kota Kinabalu, Sabah

Telefon: 088-766252

Emel: asasikita@gmail.com

Laman sesawang: www.pusatasasi.com/mengenai-kami/

3.2.2 PACOS

Siapakah PACOS?

PACOS Trust (atau PACOS) ialah pertubuhan berasaskan komuniti yang membantu masyarakat Orang Asal di Sabah. PACOS ialah akronim bagi "Partners of Community Organisations in Sabah."

Apa Kegiatan PACOS?

PACOS bergiat untuk memberdayakan komuniti Orang Asal melalui pembinaan sistem dan jaringan antara komuniti yang berterusan di Sabah.

Aktiviti-aktiviti utama termasuk:

- Program pengurusan komuniti;
- Pembangunan sosioekonomi (contoh: mempelbagaikan sumber pendapatan)
- Pendidikan komuniti (contoh: mendirikan Pusat Pembelajaran Komuniti)
- Pengurusan sumber asli;
- Program berkaitan hak tanah; dan
- Adat dan budaya.

Hubungan PACOS dengan Komuniti

PACOS membantu sejumlah 23 komuniti di 17 daerah di Sabah. Setiap komuniti menentukan dan melaksanakan program dan aktiviti di Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) masing-masing. PACOS membantu kesemua 23 komuniti melalui pemindahan pengetahuan dan kemahiran kepada pemimpin-pemimpin komuniti.


Bagaimana untuk bekerjasama dengan PACOS?

PACOS boleh bekerjasama dengan syarikat dan organisasi melalui:

1. Program keterlibatan komuniti; dan
2. Pendidikan komuniti untuk kanak-kanak rentan.

Syarikat dan organisasi boleh menyokong PACOS melalui kerjasama dalam bidang-bidang di atas, agar membawa manfaat bersama.

Cara Menghubungi PACOS



Partners of Community Organizations in Sabah (Pacos)

Taman Flash Gordon, Kg. Kivatu,
KM18 Jalan Tambunan, 89507 Donggon,
Kampung Kivatu,
89507 Penampang, Sabah

Telefon: 088-712 518

Emel: info@pacostrust.com

Laman sesawang: www.pacostrust.com/about/contact/



121

4

Pendaftaran Kelahiran

4.1 Pengenalan

Komuniti setempat, pekerja di kawasan luar bandar dan imigran seringkali tidak menyedari betapa pentingnya mendaftarkan kelahiran di Malaysia dan memaklumkan konsulat asing. Oleh itu, ramai kanak-kanak tempatan dan imigran di luar bandar tidak memiliki dokumen pengenalan yang sah.

Antara penghalang pendaftaran kelahiran ialah:

- Halangan dari segi pentadbiran
- Kesukaran untuk mengakses pejabat pendaftaran disebabkan kos yang tinggi untuk berulang alik dari lokasi terpencil;
- Kadar buta huruf yang tinggi dalam kalangan ibu bapa; dan
- Kurang kepekaan dalam kalangan ibu bapa tentang kepentingan memperoleh sijil kelahiran.

4.1.1 Apa itu Pendaftaran Kelahiran?

Pendaftaran kelahiran ialah proses mengisytiharkan (kelahiran), pencatatan (maklumat) dan pengeluaran sijil di pejabat pendaftaran sivil mengenai kejadian dan ciri-ciri kelahiran, menurut syarat undang-undang negeri atau kebangsaan.

4.1.2 Mengapakah Pendaftaran Kelahiran diperlukan?

Pendaftaran kelahiran ialah bentuk pertama dokumentasi undang-undang dan memberi seseorang identiti dari segi undang-undang. Tentu sekali, ketiadaan sijil kelahiran boleh menyebabkan kehilangan pelbagai hak selain memungkinkkan kanak-kanak terdedah kepada penindasan.

Pendaftaran kelahiran ialah hak asasi utama untuk semua kanak-kanak, tidak kira status kewarganegaraan dan etnik.

Di Sabah, semua kelahiran boleh didaftarkan di mana-mana pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Warganegara Malaysia dikeluarkan sijil kelahiran “hijau”, manakala bukan warganegara termasuk kanak-kanak imigran tanpa status imigresen yang sah dikeluarkan sijil kelahiran “merah.”

4.2 Siapa yang wajar didekati?

Terdapat beberapa NGO yang bekerjasama dengan syarikat dan komuniti setempat untuk meningkatkan kepekaan tentang kepentingan mendaftar kelahiran.

Berikut ialah senarai langkah yang perlu dilakukan, mengikut urutan kepentingan, apabila seseorang tiada dokumen pengenalan diri:

- Memohon sijil kelahiran melalui Jabatan Pendaftaran Negara (warga tempatan dan imigran)
- Maklumkan konsulat/kedutaan yang berkaitan (untuk imigran)
- Mohon bantuan daripada NGO (contoh: Global Shepherds) untuk kelahiran yang tidak berdaftar buat tempoh masa yang panjang.

Perkara 7.1 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) menyatakan bahawa “kanak-kanak akan didaftarkan serta-merta selepas dilahirkan dan semenjak lahir mempunyai hak kepada nama, hak memperoleh kewarganegaraan dan selagi mungkin, hak untuk mengenali dan dijaga oleh ibu bapa mereka.”

Kelahiran perlu didaftarkan dalam tempoh masa 60 hari tanpa dikenakan bayaran pentadbiran. Bagi pendaftaran kelahiran lewat (lebih daripada 60 hari), kelahiran masih boleh didaftar dengan caj bayaran pentadbiran dan penalti tidak melebihi RM 65 – termasuk carian pendaftaran kelahiran, bayaran pemprosesan pendaftaran kelahiran lewat serta penalti.

Sumber: Laman sesawang Jabatan Pendaftaran Negara

4.2.1 Global Shepherds

Siapakah Global Shepherds?

Global Shepherds Berhad ditubuhkan pada September 2017 sebagai organisasi bukan bermotifkan keuntungan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Objektif pertubuhan adalah menyediakan penjagaan, kebajikan dan intervensi kepada golongan miskin, serta mangsa keganasan berasaskan gender dan bentuk-bentuk penderaan, pengabaian dan penindasan yang lain.

Mereka membantu semua wanita dan kanak-kanak yang menjadi mangsa perdagangan manusia dan dipaksa untuk melakukan migrasi berbahaya, serta pelarian dan penuntut suaka yang telah mengalami keganasan berkait gender.

Oleh itu, Global Shepherds:

- Menguruskan rumah perlindungan untuk mangsa;
- Menjalankan program khidmat masyarakat;
- Menguruskan kes;
- Menyediakan perkhidmatan kaunseling;
- Menganjurkan aktiviti untuk meningkatkan kesedaran awam; dan
- Menyediakan intervensi yang lain

Global Shepherds turut terlibat dalam kerja pembelaan untuk mengetengahkan situasi yang dihadapi wanita dan kanak-kanak rentan di Sabah serta langkah proaktif yang boleh diambil.

Bagaimana mereka boleh membantu syarikat dengan permohonan pendaftaran kelahiran?

Global Shepherds boleh membantu syarikat dengan menjalankan program pendaftaran untuk kanak-kanak Indonesia. Program ini dikenali sebagai "Program Pendaftaran Kelahiran" (BRP). BRP pertama kali dijalankan di beberapa konsesi perladangan kelapa sawit di Sabah.

Melalui BRP, kesedaran awam ditingkatkan berkaitan kepentingan memiliki sijil kelahiran dan dokumen pengenalan yang sah (sijil perkahwinan ibu bapa, passport, surat perubatan dan apa-apa dokumen lain yang menyokong permohonan). Peranan Global

Shepherds adalah untuk menghubungkan kanak-kanak Indonesia tanpa dokumen dengan Konsulat Indonesia. Sijil kelahiran perlu dimohon terlebih dahulu daripada Jabatan Pendaftaran Negara, kemudian status kewarganegaraan ibu bapa disemak di Konsulat Indonesia. Pihak Konsulat boleh mengambil masa dari tiga sehingga enam bulan untuk memproses permohonan.

Bagaimana untuk bekerjasama dengan Global Shepherds?

Syarikat-syarikat di mana terdapat pekerja yang mempunyai anak (warga tempatan dan imigran) tanpa sijil kelahiran perlu memulakan proses permohonan dengan menghubungi Global Shepherds.

Global Shepherds boleh membantu syarikat yang berkenaan dengan cara-cara berikut:

1. Memberi khidmat nasihat teknikal tentang kaedah dan proses yang diperlukan untuk mendaftar kelahiran. Ini termasuk tanggungjawab syarikat dalam peranan memudah cara proses memperoleh sijil kelahiran.
2. Menyediakan latihan kepada tenaga kerja dan wakil syarikat untuk mengendalikan sesi bersama pekerja dan ahli keluarga mereka untuk mengumpul data dan menyerahkan dokumen kepada Konsulat Indonesia atau Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).
3. Meningkatkan kesedaran dalam kalangan pekerja syarikat dan keluarga mereka tentang kepentingan mendaftar kelahiran.

Cara Menghubungi Global Shepherds



C/O Villamaria Good Shepherd

Lorong Setiabistari 2

Medan Damansara

50490 Kuala Lumpur

Telefon: 03-20117406

Emel: info@goodshepherd.my

Laman sesawang: www.goodshepherd.my/about

Bagaimana Syarikat Boleh Membantu Kanak-Kanak Indonesia Tanpa Dokumen Memperoleh Pendaftaran Kelahiran

Langkah-langkah untuk dipertimbangkan

Syarikat memperoleh borang pendaftaran kelahiran yang asal daripada JPN.



Syarikat mengedarkan borang pendaftaran kelahiran kepada semua pekerja (ibu bapa) yang mempunyai anak-anak tanpa sijil kelahiran.



Pekerja (ibu bapa) mengisi borang pendaftaran kelahiran dan kemudian memulangkan borang tersebut kepada syarikat, beserta dokumen sokongan berikut:

- Salinan sijil perkahwinan ibu bapa atau surat pengesahan daripada syarikat untuk mengesahkan perkahwinan ibu bapa;
- Salinan surat perubatan/surat dikeluarkan oleh klinik atau surat pengesahan daripada syarikat;
 - Salinan passport ibu bapa atau dokumen perjalanan yang lain;
 - Salinan passport milik dua saksi;
 - Dua keping gambar (passport); dan
 - Dua orang saksi, yang mengenali pemohon, beserta passport Indonesia yang sah.



Syarikat mengumpul semua borang pendaftaran kelahiran yang lengkap dan dokumen sokongan daripada pekerja (ibu bapa).



Syarikat mengirim surat jemputan kepada Konsulat Indonesia di Sabah untuk membuat temu janji untuk melawat syarikat.



Pegawai dari Konsulat Indonesia kemudian akan melawat syarikat pada tarikh yang ditetapkan untuk menemuduga pekerja (ibu bapa). Pemohon yang berjaya akan dikeluarkan sijil kelahiran.

Sumber: Global Shepherds. Ringkasan daripada Video Pendaftaran Kelahiran oleh Global Shepherds – Disember 2018



Perkhidmatan Lain Untuk Kanak-Kanak Rentan

5.1 Pengenalan

Malaysia telah menandatangani Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC). Perkara 19 CRC menyatakan bahawa "Kanak-kanak mempunyai hak untuk dilindungi daripada disakiti dan dilayan dengan buruk, secara fizikal dan mental."⁵

Majikan mungkin mendapati bahawa terdapat pekerja, atau pasangan, anak atau ahli keluarga yang lain, yang mungkin berisiko didera atau diabaikan. Dalam kes sebegini, syarikat boleh menyediakan perkhidmatan untuk menyokong pekerja atau ahli keluarga berkenaan dengan melantik penyedia perkhidmatan atau menjalankan program latihan pencegahan atau sesi meningkatkan kesedaran tentang topik ini.

5.2 Siapa Yang Wajar Didekati

Terdapat pelbagai NGO dan organisasi yang menyediakan perkhidmatan untuk wanita dan kanak-kanak rentan di Sabah. Namun, seksyen ini bertumpu khusus kepada rangkaian perkhidmatan yang disediakan oleh Sabah Women's Action-Resource Group (SAWO) berkaitan isu kanak-kanak rentan di Sabah. Mungkin juga terdapat penyedia perkhidmatan yang lain di dalam direktori ini yang boleh membantu anda.

5.2.1 Sabah Women's Action-Resource Group (SAWO)

Sabah Women's Action-Resource Group atau SAWO, berusaha meningkatkan perlindungan untuk wanita dan kanak-kanak rentan, sejajar dengan matlamat untuk menyumbang kepada masyarakat yang berciri kesetaraan gender. SAWO ditubuhkan pada 1985 sebagai respons terhadap keganasan dan ketidakadilan yang semakin meningkat terhadap wanita dan kanak-kanak.

Pada September 1986, SAWO menyertai kempen kebangsaan untuk menentang keganasan terhadap wanita, dengan melancarkan kempen di peringkat Sabah. Semenjak itu, SAWO, bersama pertubuhan masyarakat sivil yang lain di dalam negara, telah menyumbang kepada pelbagai perubahan undang-undang, termasuk reformasi undang-undang berhubung rogol pada 1989 dan penggubalan Akta Keganasan Rumah Tangga pada 1994.

Pada 1988, SAWO menubuhkan Pusat Krisis Sehenti (OSCC) di Hospital Queen Elizabeth. Kota Kinabalu dan sehingga hari ini masih menuntut penubuhan lebih banyak rumah perlindungan untuk wanita dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan penjagaan.



Semua syarikat perlu memastikan perlindungan dan keselamatan kanak-kanak di semua aktiviti dan kemudahan syarikat.

Sumber: Children's Rights and Business Principles. Boleh diakses dalam talian di: www.unglobalcompact.org/docs/issues_doc/human_rights/Childrens_Rights_and_Business_Principles.pdf

⁵ UNICEF, Fact Sheet: A summary of the rights under the Convention of the Right of The Child, Article 19 (Protection from all forms of violence). Boleh diakses dalam talian di: www.unicef.org/crc/files/Rights_overview.pdf

Apa kegiatan SAWO?

Program SAWO bertumpukan aktiviti-aktiviti berikut:

- Meningkatkan kesedaran awam tentang ketidaksemaan gender dan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak. Aktiviti sering dijalankan dengan kerjasama institusi dan syarikat yang ingin memperkasakan program tanggungjawab sosial dan komitmen untuk menegakkan hak wanita dan kanak-kanak;
- Menggesa undang-undang dan dasar yang lebih berkesan untuk wanita dan kanak-kanak;
- Menyediakan perkhidmatan sokongan untuk wanita dan kanak-kanak yang memerlukan;
- Membina peluang untuk wanita dalam komuniti dan memberdayakan mereka;
- Menjalankan terapi permainan untuk kanak-kanak yang memerlukan;
- Menawarkan program bimbingan untuk sukarelawan muda dan kelompok “berisiko.”

Melalui program HELPLINE, SAWO menyediakan perkhidmatan kaunseling dan bantuan guaman untuk wanita dan kanak-kanak yang dalam keresahan atau konflik. Perkhidmatan kaunseling diberikan melalui telefon dan juga secara berdepan.

SAWO memberi khidmat nasihat guaman dan perkhidmatan lain, seperti dana untuk bantuan krisis jangka masa pendek atau bantuan kewangan lain daripada kerajaan. SAWO turut membantu wanita dan kanak-kanak yang menjadi mangsa keganasan rumahtangga, rogol dan penderaan fizikal untuk membuat laporan polis dan menghubungkan mereka kepada agensi-agensi kerajaan untuk memperoleh teduhan dan perlindungan.

Bagaimana untuk bekerjasama dengan SAWO?

SAWO menawarkan rangkain perkhidmatan yang boleh membantu syarikat dan organisasi lain untuk mengukuhkan tanggugjawab sosial dan inisiatif keterlibatan komuniti. Ini termasuk:

1. Program terapi permainan dalam organisasi untuk kanak-kanak rentan

SAWO memulakan terapi permainan pada 2008 dengan matlamat membantu kanak-kanak rentan yang memerlukan perlindungan dan penjagaan (contoh: kanak-kanak yang didera). Program ini bertindak mengukuhkan perkhidmatan sedia ada yang ditawarkan oleh institusi pemeliharaan kanak-kanak. SAWO mempunyai pengamal berlesen dalam kemahiran permainan terapi yang menjalankan latihan untuk kakitangan serta memberi perkhidmatan menyelia dan menyokong kakitangan mana-mana organisasi yang mengendalikan program ini.

2. Perkhidmatan latihan kepada syarikat dan institusi yang ingin melancarkan program terapi permainan

Untuk membantu lebih ramai kanak-kanak rentan dan memerlukan di Sabah, SAWO membantu pelbagai organisasi untuk menubuhkan program terapi permainan. SAWO membantu organisasi sebegini dengan menjalankan latihan untuk kakitangan dan mendirikan unit terapi untuk kanak-kanak dan keluarga bawah jagaan organisasi berkenaan.

Sehingga 2018, SAWO telah membantu tiga agensi kerajaan dan satu NGO untuk membina bilik terapi permainan sendiri, dilengkapi pelbagai peralatan untuk menjalankan sesi terapi permainan.

Mana-mana syarikat atau organisasi yang berminat untuk menubuhkan program terapi permainan dan melatih kakitangan untuk mengendalikan terapi permainan boleh menghubungi SAWO.

3. Latihan profesional dan perkhidmatan perundingan kepada syarikat mengenai isu membabitkan hak kanak-kanak

SAWO telah bekerjasama dengan syarikat daripada pelbagai industri (contoh: industri pembalakan) dengan memberikan perkhidmatan profesional kepada kakitangan berhubung hak kanak-kanak di tempat kerja atau komuniti.

4. Meningkatkan kesedaran tentang keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak

SAWO mempunyai kepakaran dan pengalaman meningkatkan kesedaran tentang keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, melalui program yang dijalankan di pelbagai organisasi, termasuk sektor perniagaan. SAWO boleh menjalankan tinjauan dalaman, sesi perundingan dengan pihak berkepentingan dan latihan untuk kakitangan bagi menangani dan mengelakkan sebarang kejadian keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak di tempat kerja dan komuniti.

Cara Menghubungi Sawo



Sabah Women's Action-Resource Group (SAWO)

Lot 23, Tingkat 2, Blok C, Damai Point,
88300 Kota Kinabalu, Sabah
Telefon: 088-269291
Emel: sawo.women@yahoo.com
Laman sesawang: sawo.women@yahoo.com

6

Organisasi Lain Yang Menawarkan Perkhidmatan untuk Kanak-Kanak Rentan di Sabah



6. Senarai Penyedia Perkhidmatan dan Institusi Lain yang Menyediakan Perkhidmatan untuk Kanak-Kanak Rentan di Sabah

NGO / Institusi	Perkhidmatan yang Disediakan	Bantuan yang Boleh Ditawarkan kepada Syarikat	Kategori Kanak-Kanak, Keluarga, Komuniti dan Lokasi Perkhidmatan
Development of Human Resources for Rural Areas (DHRRA), Malaysia No. 13A-2, PJ 21, SS3/39, Sg. Way, 47300, Petaling Jaya, Selangor Telefon: 03-78653371 atau 78657271 Emel: general@dhrramalaysia.org.my Laman sesawang: dhrramalaysia.org.my	- Mengendalikan program pembinaan kapasiti untuk pembangunan kanak-kanak dan meningkatkan kesedaran tentang isu hak kanak-kanak. - Menyediakan intervensi pendaftaran kelahiran, khidmat nasihat guaman dan bantuan teknikal dalam isu berhubung kewarganegaraan dan dokumen pengenalan sah untuk kanak-kanak. - Menyediakan latihan untuk pelatih dalam bidang keterlibatan komuniti, pendidikan untuk kanak-kanak dan latihan untuk penyelidik undang-undang dari komuniti.	- Memudah cara proses pendaftaran kelahiran untuk kanak-kanak, dan memperoleh dokumen pengenalan sah lain untuk ibu bapa (pekerja). - Menganjurkan latihan untuk pelatih untuk tenaga kerja dan komuniti berdekatan tentang isu berkenaan pendaftaran kelahiran dan latihan penyelidikan undang-undang untuk ahli komuniti.	Kanak-kanak dan keluarga di kawasan bandar dan luar bandar Sabah yang tidak memiliki dokumen pengenalan.
Jabatan Kebajikan Masyarakat (Sabah) Tingkat 6 & 8, Blok B, Bangunan Wisma MUIS, Jalan Sembulan, 88100 Kota Kinabalu. Sabah. Telefon: 088-255133 or 255134 Emel: jpka_sabah@jkm.gov.my	- Menjalankan program meningkatkan kesedaran di komuniti dan sekolah tentang keganasan terhadap kanak-kanak. - Menyediakan perlindungan sementara untuk kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan penjagaan.	- Meningkatkan kesedaran di komuniti berdekatan dan pusat pembelajaran sedia ada tentang pelbagai isu perlindungan kanak-kanak. - Menyediakan perlindungan sementara untuk ibu bapa dan kanak-kanak yang memerlukan	Kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan bawah Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan) 2016 dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

NGO / Institusi	Perkhidmatan yang Disediakan	Bantuan yang Boleh Ditawarkan kepada Syarikat	Kategori Kanak-Kanak, Keluarga, Komuniti dan Lokasi Perkhidmatan
	Memberi khidmat nasihat tentang isu berhubung buruh kanak-kanak dan jenis penindasan yang lain.	- perlindungan dan penjagaan. - Memberi khidmat nasihat tentang isu melibatkan buruh kanak-kanak dan bentuk penindasan kanak-kanak yang lain.	- Kanak-kanak bawah umur 18 tahun. - Kanak-kanak yang sedang belajar di Malaysia.
Etania Schools of Sabah Dr. Kathryn Rivai, Pakar Perunding Pendidikan, Etania Schools, Sabah Emel: kathryn.rivai@gmail.com Laman sesawang: etaniaschools.org/ Nota: Etania menguruskan sepuluh pusat pembelajaran di Sabah (2018)	- Mengendalikan pusat pembelajaran alternatif untuk kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan kurang berkemampuan terutama sekali di kawasan luar bandar di Sabah. - Meningkatkan kesedaran tentang betapa pentingnya program pendidikan penuh dan berkualiti untuk kanak-kanak tanpa kewarganegaraan serta imigran.	Bekerjasama dengan syarikat dalam menubuhkan pusat pembelajaran alternatif baharu atau menambahbaik pusat pembelajaran sedia ada.	- Keluarga berpendapatan rendah. - Kanak-kanak yang tinggal di kawasan luar bandar termasuk mereka yang tinggal dalam atau berhampiran estet perladangan kelapa sawit dan perusahaan pertanian kecil.
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Suite 8.1, Tingkat 8, CPS Tower No. 1, Jalan Centre Point 88000 Kota Kinabalu, Sabah Telefon: 088-317405 Emel: sabah@suhakam.org.my Laman sesawang: suhakam.org.my/	- Menerima aduan daripada orang awam tentang isu berkenaan buruh kanak-kanak dan pelanggaran hak kanak-kanak yang lain. - Menjadi pengantara dan merujuk kes buruh dan hak kanak-kanak ke pusat bantuan guaman dan organisasi lain yang berkait. - Mendidik dan meningkatkan kesedaran tentang isu hak kanak-kanak.	- Menjadi pengantara isu hak buruh dan kanak-kanak dan merujuk kes kepada agensi berkaitan. - Meningkatkan kesedaran tentang hak kanak-kanak di peringkat syarikat dan komuniti.	Kanak-kanak bawah umur 18 tahun yang tinggal di Malaysia.

NGO / Institusi	Perkhidmatan yang Disediakan	Bantuan yang Boleh Ditawarkan kepada Syarikat	Kategori Kanak-Kanak, Keluarga, Komuniti dan Lokasi Perkhidmatan
	Menjalankan lawatan dan penilaian ke tempat kerja.		
Konsulat Indonesia, Kota Kinabalu, Sabah Lorong Kemajuan, Karamunsing P.O Box 11595, 88817, Kota Kinabalu, Sabah Telefon: 088-219110 or 218600 Emel: pensosbud.kjrikk@yahoo.com	- Menerima aduan dari pekerja Indonesia tentang hak buruh dan pelanggaran hak kanak-kanak. - Memberi nasihat urusan tadbir dan sokongan teknikal berhubung pendaftaran kelahiran kanak-kanak Indonesia.	- Menjadi pengantara dalam kes melibatkan aduan oleh pekerja dewasa dan muda. - Memudah cara proses pendaftaran kelahiran. - Meningkatkan kesedaran dan pendidikan tentang hak kanak-kanak di peringkat syarikat dan komuniti.	Kanak-kanak Indonesia atau anak kelahiran warga Indonesia yang menetap atau telah berhijrah ke Sabah.
Malaysian Care (Sabah Unit) Sabah Theological Seminary (Malaysian Care Sabah Unit), Admin Building Level 1 26 Jalan Pinggir, Off Jalan Istana, 88400 Kota Kinabalu. Telefon: 088-335513 Emel: mail@malaysiancare.org Laman sesawang: malaysiancare.org/	- Mengadakan program intervensi awal dan program pra sekolah inklusif di kawasan luar bandar Sabah. - Menganjurkan program pemberdayaan komuniti dan pembinaan kapasiti untuk kanak-kanak, ibu bapa dan guru dalam bidang celik kewangan, membina jaringan, pembangunan komuniti dan pendidikan kanak-kanak.	- Bekerjasama dengan syarikat untuk menyediakan program intervensi awal atau pra sekolah untuk anak-anak pekerja. - Bekerjasama dengan syarikat untuk menganjurkan pemberdayaan komuniti dan pembinaan kapasiti untuk pekerja dan anak-anak mereka dalam bidang pendidikan, pembangunan dan perlindungan kanak-kanak.	- Keluarga dari komuniti Orang Asal serta orang kurang upaya. - Kanak-kanak dan belia yang hidup dalam kemiskinan.
Persatuan C.H.I.L.D Sabah Lot 4, Tingkat 2, Pusat Komersil TNK, Off Jalan Mat Salleh, 88100 Tanjung Aru, Sabah	- Menubuhkan pusat pembelajaran alternatif dan intervensi awal untuk kanak-kanak dengan masalah pembelajaran. - Menganjurkan bengkel	Bekerjasama dengan syarikat untuk menubuhkan pusat pembelajaran alternatif dan intervensi awal untuk kanak-kanak dengan masalah pembelajaran	Orang kurang upaya, termasuk kanak-kanak dan remaja.

NGO / Institusi	Perkhidmatan yang Disediakan	Bantuan yang Boleh Ditawarkan kepada Syarikat	Kategori Kanak-Kanak, Keluarga, Komuniti dan Lokasi Perkhidmatan
Telefon: 088-288761 Emel: info@childsabah.org.my Laman sesawang: childsabah.org.my	berteduh berasaskan komuniti, dan memberi pekerjaan kepada belia yang mempunyai autisme dan gangguan pertumbuhan lain. - Memberi sokongan profesional dalam bidang seperti terapi bahasa dan pertuturan, terapi fizikal dan psikologi kanak-kanak. - Menganjurkan program kesedaran awam tentang autisme.	dan bentuk kekurangan upaya yang lain. - Bekerjasama dengan syarikat untuk menjalankan sesi latihan untuk pelatih dan pembinaan kapasiti untuk dalam bidang terapi fizikal dan psikologi kanak-kanak. - Bekerjasama dengan syarikat untuk meningkatkan kesedaran dan penerimaan autisme dan kehilangan upaya lain yang dialami kanak-kanak.	
Sabah Family Planning Association (SFPA) P.O. Box No. 11361, 88815, Kota Kinabalu, Sabah. Telefon: 088-245209 atau 222703 Emel: sfpa@sabah.org.my Laman sesawang: sabah.org.my/sfpa/	- Menyediakan perkhidmatan perancangan keluarga dan kesihatan untuk wanita dan kanak-kanak. - Menganjurkan program kesihatan komuniti. - Menjalankan program pendidikan kehidupan berkeluarga untuk remaja, belia dan ibu bapa.	- Bekerjasama dengan syarikat untuk menyediakan perkhidmatan perancangan keluarga dan kesihatan reproduktif untuk pekerja (wanita) dan kanak-kanak. - Bekerjasama dengan syarikat untuk menganjurkan program kesihatan komuniti untuk pekerja dan anak-anak mereka. - Bekerjasama dengan syarikat untuk menyampaikan pendidikan kesihatan kepada remaja dan belia.	- Golongan rentan termasuk kanak-kanak dan belia. - Klinik SFPA beroperasi di Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Kudat dan Lahad Datu, Sabah
Sabah Child Welfare Association	Menganjurkan program pemulihan berasaskan komuniti	Bekerjasama dengan syarikat untuk menganjurkan program	Kanak-kanak bawah umur 18 tahun, yang kurang upaya, serba kekurangan,

NGO / Institusi	Perkhidmatan yang Disediakan	Bantuan yang Boleh Ditawarkan kepada Syarikat	Kategori Kanak-Kanak, Keluarga, Komuniti dan Lokasi Perkhidmatan
Cancer Society Building, No. 15 Jalan Tupai 3, Teck Guan Villa, Jalan Penampang, Kota Kinabalu, Sabah. Telefon: 088-269614 Emel: scwa@sabah.org.my Laman sesawang: sabah.org.my/scwa	bagi memenuhi hak dan penjagaan sepatutnya untuk kanak-kanak. - Menjalankan program pengukuhan Bahasa Inggeris untuk kanak-kanak yang memerlukan di kawasan luar bandar. - Menjalankan kempen kesedaran keluarga dan komuniti bagi meningkatkan penglibatan dalam pembangunan kanak-kanak. - Menyampaikan perkhidmatan kaunseling kesihatan dan kemahiran ibu bapa yang memanfaatkan kanak-kanak di kawasan luar bandar.	pemulihan berasaskan komuniti untuk pekerja serta anak-anak mereka. Bekerjasama dengan syarikat untuk mengadakan kempen kesedaran dan perkhidmatan kaunseling untuk pekerja serta anak-anak mereka.	diabaikan atau menjadi mangsa pelbagai jenis keganasan.
Sabah Law Society Menara MAA, Lorong Api-Api 1, 88000, Kota Kinabalu, Sabah Telefon: 088-232662 Emel: admin@sabahlawsociety.org Laman sesawang: sabahlawsociety.org/	Memberi bantuan guaman dan khidmat nasihat tentang pendaftaran kelahiran, keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, dan isu berkaitan buruh kanak-kanak dan bentuk penindasan yang lain.	Membantu syarikat dan pekerja dalam urusan undang-undang dan pentadbiran berkaitan pendaftaran kelahiran, keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, dan pelanggaran hak kanak-kanak umumnya.	
Seri Mengasih Centre, Sabah PWD 75, Jalan Selangor, Tanjung Aru, 88110, Kota Kinabalu, Sabah. Telefon: 088-223221 Emel: Serimengasih@yahoo.com.my Laman sesawang: serimengasihcentre.org/	Mengendalikan pusat pembangunan khas untuk kanak-kanak OKU yang mempunyai perkembangan intelek dan pembangunan tergendala di Sabah.	Membantu atau bekerjasama dengan syarikat untuk mendirikan pusat pembelajaran untuk kanak-kanak OKU.	- Kanak-kanak OKU dengan perkembangan intelek dan pembangunan tergendala di Sabah. - Pusat terletak di Tanjung Aru, Koyta Kinabalu, Sabah.

NGO / Institusi	Perkhidmatan yang Disediakan	Bantuan yang Boleh Ditawarkan kepada Syarikat	Kategori Kanak-Kanak, Keluarga, Komuniti dan Lokasi Perkhidmatan
Starfish Foundation, Sabah Tingkat 3, Lot 16-3, Blok B, Lintas Square, Luyang, 88300 Kota Kinabalu. Telefon: 088-212400 Emel: hello@starfishmy.com Laman sesawang: starfishmy.com	Menyediakan kemudahan asrama untuk kanak-kanak yang memerlukan di empat daerah, bagi membolehkan pelajar dari luar bandar untuk menghadiri sekolah yang jauh dari tempat tinggal mereka..	Membantu atau bekerjasama dengan syarikat untuk membina kemudahan asrama untuk membolehkan kanak-kanak luar bandar menghadiri sekolah, termasuk pusat pembelajaran alternatif.	- Kanak-kanak dan belia yang hidup dalam kemiskinan di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak (Kapit). Starfish Foundation mempunyai asrama di: - Kota Marudu (Hostel Jasmine) - Pitas (Hostel Marigold - in partnership with the Protestant Church of Sabah) - Pitas (Hostel Lily) - Kudat (Hostel Rose) - Sikuati (Hostel Sunflower)
Stairway to Hope (Sabah) Emel: stairwaytohope@gmail.com Laman sesawang: stairwaytohope.org	Mengendalikan pusat pembelajaran alternatif untuk kanak-kanak Filipina dan tanpa kewarganegaraan di Kota Kinabalu, Sabah.	Membantu atau bekerjasama dengan syarikat untuk mendirikan pusat pembelajaran alternatif untuk kanak-kanak Filipina dan tanpa kewarganegaraan di kawasan perladangan dan luar bandar.	Pekerja dan kanak-kanak (Filipina) yang tinggal di Kota Kinabalu, Sabah dan kawasan berdekatan
Tonibung (Friends of Village Development) Blok M, Lot 5, Tingkat 1, Bandar Donggongon, 89500, Penampang, Sabah Telefon: 088-726413 Emel: info@createborneo.org Laman sesawang: createborneo.org/	Menyediakan latihan kemahiran dan vokasional untuk belia luar bandar.	Membantu atau bekerjasama dengan syarikat dalam perkhidmatan latihan teknikal dan vokasional untuk belia, terutama khususnya di kawasan luar bandar.	- Komuniti Orang Asal, kebanyakannya di Sabah dan utara Sarawak. - Pusat latihan terletak di pusat C.R.E.A.T.E di Penampang, Sabah

Maklumat Pembiaya

Archer Daniels Midland (ADM)

Archer Daniels Midland Company (ADM) adalah antara syarikat pemprosesan pertanian dan pembuat bahan makanan terbesar di dunia. ADM bekerjasama rapat dengan persatuan perdagangan, penanam, kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti di lokasi operasi syarikat untuk meningkatkan mutu dan ketersediaan tanaman dalam rantaian bekalan sedunia, selain memanfaatkan kehidupan petani dan komuniti yang terlibat dalam penanaman.

ADM Cares ialah program pelaburan sosial korporat ADM, yang memadankan sumbangan korporat syarikat dengan strategi perniagaan dan matlamat kelestarian syarikat. ADM berusaha untuk mengekalkan dan mengukuhkan komitmen kepada komuniti-komuniti di mana rakan sekerja ADM bekerja dan menetap, dengan menyalurkan pembiayaan kepada inisiatif dan organisasi yang memacu perkembangan positif dari segi sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Avon

Avon komited kepada perlindungan alam sekitar, selain menghormati dan menegakkan hak asasi komuniti dan pekerja yang terkesan oleh operasi dan rantaian bekalan syarikat. Oleh itu, Avon telah menerima pakai “Palm Oil Promise” pertama pada 2011 yang membentangkan garis panduan syarikat untuk membeli minyak kelapa sawit melalui penyumberan lestari. Pada 2018, Avon bekerjasama dengan Earthworm untuk melaksanakan projek di Indonesia dan Malaysia bawah kerangka projek bernama “Landscapes” (Landskap) dan perlindungan kanak-kanak rentan di perladangan.

Nestlé

Nestlé ialah syarikat makanan dan minuman terbesar di dunia, dengan lebih daripada 2000 jenama dan kehadiran dalam pasaran di 190 negara.

Nestlé menentang semua jenis penindasan kanak-kanak, dan mempunyai komitmen kukuh kepada tindakan yang membasmi buruh kanak-kanak dalam rantaian bekalan pertanian syarikat, selaras dengan Prinsip Perniagaan Korporat Nestlé, Standard Penyumberan Bertanggungjawab Nestlé, dan Komitmen Nestlé terhadap Buruh Kanak-Kanak di Rantaian Bekalan Pertanian. Nestlé menyedari bahawa selain tindakan individu, syarikat bersama dengan kerajaan dan dibantu NGO, perlu bekerjasama untuk membina persekitaran yang berupaya menghindar dan membasmi amalan buruh kanak-kanak. Nestlé komited untuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan, dengan dipimpin oleh kerajaan sekerap yang mungkin, untuk menangani isu buruh kanak-kanak.

Wilmar

Sejak 2013, Wilmar telah menerima pakai dasar berintegrasi yang dikenali sebagai “Tiada Pemusnahan Hutan, Tiada Gambut dan Tiada Penindasan,” (NDPE) merangkumi isu kelestarian berkaitan dengan alam sekitar, komuniti setempat dan tenaga kerja. Dasar NDPE Wilmar telah menyuarakan dengan jelas komitmen syarikat kepada mengharamkan dan menghindarkan amalan buruh kanak-kanak dalam operasi perniagaan dan operasi pembekal/kontraktor syarikat. Komitmen ini dilanjutkan dengan penerbitan Dasar

Perlindungan Kanak-Kanak Wilmar pada November 2017. Selain mengharamkan amalan buruh kanak-kanak, Wilmar juga tekad untuk mengambil tindakan menangani isu tersebut sekiranya didapati berlaku dalam operasi syarikat.



www.earthworm.org

Bagi mereka yang berminat untuk bekerjasama atau menyokong inisiatif ini,
sila hubungi pasukan "Respect" (Hormat) di **+6 03 2201 2393 / n.mahendran@earthworm.org (Malaysia)**
atau **+41 022 367 9440 / k.kenrick@earthworm.org (UK)**.